



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	16/6/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KEDAH			

JPNK arah henti pembersihan jalan balak

PADANG TERAP: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengarahkan aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan jalan balak lama di kawasan Hutan Simpan Lipur Bukit Perangin, Kuala Nerang di sini dihentikan serta-merta.

Pengarahnya, Muhammad Abdullah berkata, aktiviti di kawasan hutan itu sedang dilaksanakan untuk kegunaan kakitangannya menjalankan prapelesenan bagi kelulusan kawasan pembalakan di kompartmen 42 dan kompartmen 43 di hutan simpan tersebut.

Bagaimanapun, menurutnya, arahan dihentikan aktiviti tersebut dikeluarkan selepas mendapati telah menyebabkan aliran air anak sungai yang mengalir ke Taman Eko Rimba (TER) Puncak Janing keruh.

Pada masa sama, katanya, taburan hujan yang agak tinggi di kawasan tersebut juga telah menyumbang kekeruhan air sungai tersebut.

"Sebuah kolam tadahan air masyarakat bersaiz 20 meter persegi juga didapati dibina di kawasan TER Puncak Janing untuk membekalkan air kepada Kampung Pasisir Putih, Kampung Tengah dan Kampung Baru," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Selain itu, Muhamad memberitahu, hasil semakan di lapangan mendapati tiada aktiviti pembalakan di kawasan tersebut.

"TER Puncak Janing adalah sebuah hutan lipur yang diuruskan oleh JPNK dan terletak di Kompartmen 41, Hutan Simpan Bukit Perangin itu," katanya.

Sementara itu, masalah bekalan air tersebut juga mendapat perhatian Pegawai Daerah Padang Terap, Datuk Md. Shuhaimi Abdul Rahman yang mengarahkan sebarang aktiviti berkaitan pembalakan di kawasan hutan itu dihentikan segera.

"Berhenti segera sebelum sebarang tindakan diambil selepas ini termasuk siasatan," ujarnya.